

Prinsip Kemanusiaan Dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam dan Relevansinya Dengan Undang-Undang Antarabangsa Masa Kini

Principles of Humanity in Islamic International Law and its Relevancy with Current International Law

Muhammad Fahmi Md Ramzan^a, Mohamad Zaidi Abdul Rahman^{a*}, Bharuddin Che Pa^a, Nurfarhana Mohd Daud^b

^a*Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*

^b*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Segamat, Johor*

**Corresponding author: mzaidi@um.edu.my*

Article history

Received: 2020-01-08 Received in revised form: 2020-02-12 Accepted: 2020-02-12 Published online: 2020-06-30

Abstract

This article aims to explore the principles of humanity in Islamic International Law, which include humanitarian principles in peace situation and in time of war and assess their suitability with current international law. To achieve this purpose, this article uses historical assessment methods and textual interpretations to study a string of historical events as well as analyze sources of text from the Quran, hadiths and other legal documents. The principles of humanity outlined in this paper are an important aspect of organizing relationships between humans either in peace or during the war. In fact, the Islamic Law of the Quran, the hadiths and actions of the Prophet throughout history has always elevated human dignity and human values. The results show that Islamic International Law through its humanitarian principles contributes significantly to the regulation of human life in line with the development of international law. In light of the sentiment expressed by some of the international community that Islam is a terrorist religion, the humanitarian principles outlined in this article are expected to repel the allegations and thus formulate a set of ideas that will support and improve the implementation of existing international law.

Keywords: Humanity, international relations, Syiar, Islamic International Law.

Abstrak

Artikel ini bertujuan meneroka prinsip kemanusiaan dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam yang merangkumi prinsip kemanusiaan sewaktu damai dan sewaktu perang serta menilai kesesuaiannya dengan undang-undang antarabangsa masa kini. Bagi mencapai tujuan tersebut, penulisan ini menggunakan kaedah penilaian historis serta interpretasi tekstual untuk mengkaji rentetan peristiwa sejarah serta menganalisis sumber-sumber teks dari al-Quran, hadis serta dokumen perundangan lainnya. Prinsip kemanusiaan yang diuraikan di dalam penulisan ini merupakan aspek penting dalam mengatur hubungan di antara manusia baik sewaktu damai mahupun sewaktu perang. Hakikatnya, Undang-Undang Antarabangsa Islam yang bersumberkan al-Quran, hadis dan tindakan Rasulullah sepanjang sejarah sentiasa menjunjung tinggi martabat manusia dan nilai kemanusiaan. Hasil penelitian menunjukkan bahawa Undang-Undang Antarabangsa Islam melalui prinsip-prinsip kemanusiaannya memberikan sumbangan yang cukup besar dalam mengatur kehidupan umat manusia selaras dengan perkembangan undang-undang antarabangsa. Melihat kepada sentimen yang dicituskan oleh sebahagian masyarakat antarabangsa bahawa Islam adalah agama keganasan, prinsip kemanusiaan yang diuraikan di dalam artikel ini diharapkan mampu menangkis dakwaan tersebut seterusnya membentuk suatu gagasan idea yang dapat menyokong dan menambahbaik pelaksanaan undang-undang antarabangsa sedia ada.

Kata kunci: Kemanusiaan, hubungan antarabangsa, Syiar, Undang-Undang Antarabangsa Islam.

1.0 PENGENALAN

Islam sebagai agama yang sesuai dengan naluri kemanusiaan sememangnya mengakui keperluan asas hidup iaitu pentingnya hubungan sesama manusia. Dalam konteks bernegara, Islam melihat hubungan antara negara atau dikenali sebagai hubungan antarabangsa (*Siyasah Dauliyah*) juga suatu yang amat penting dan perlu dititikberatkan.

Allah Ta'ala telah menjelaskan di dalam al-Qur'an tentang kepentingan semua manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit untuk saling berkenal-kenalan dan bersatu di bawah slogan kemanusiaan dalam kehidupan di dunia ini. Firman Allah Ta'ala yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).”

(Surah al-Hujurat, 49:13)

Islam sebagai agama yang penuh dengan sifat kedamaian dan kesejahteraan sentiasa menjunjung tinggi *huquq al-Insaniyyah* (hak-hak insan) tanpa mengenal diskriminasi agama, warna kulit dan kebangsaan. Selain itu, Islam juga mengakui hak milik peribadi, namun melarang membolot kekayaan, merampas dan eksploitasi.

Dengan kata lain, Islam mengakui hak milik individu, tetapi kepentingan sosial tidak boleh diabaikan. Islam menyeru agar seluruh umat manusia yang berlainan asal dan kebangsaan, warna kulit dan agamanya, menegakkan persaudaraan secara menyeluruh, sehingga prinsip kemanusiaan benar-benar terwujud dalam kehidupan umat manusia.

Oleh sebab itu, Islam mengatur hubungan manusia melalui undang-undang antarabangsa, baik di waktu damai mahupun di waktu perang. Bahkan, Islam juga menekankan aspek perjanjian antarabangsa dan penubuhan organisasi antarabangsa sebagai suatu asas penting dalam perbahasan undang-undang antarabangsa masa kini.

Teori klasik tentang undang-undang antarabangsa yang berkembang di kalangan para ahli tata negara Islam disebut sebagai *Siyar*. *Siyar* merupakan suatu gagasan ilmu yang dipelopori oleh Imam Abu Hanifah berawal melalui penulisan *Kitab al-Siyar* yang kemudian dijadikan rujukan oleh anak muridnya iaitu Imam Abu Yusuf dan Muhammad Ibnu Hasan al-Shaybani serta para ulama' kontemporari hari ini (Munir, 2012).

Siyar merupakan suatu kaedah yang mengatur perang dan damai dengan pihak negara luar yang bukan Muslim dan pengaturan hubungan warganegara bukan Muslim dengan pemerintahan Islam di dalam negara Islam. *Siyar* menurut al-Sarakhsi (2002) dapat ditakrifkan sebagai berikut:

“*Siyar* merupakan kelakuan orang Muslimin dalam hubungan mereka dengan kafirin dalam wilayah musuh dan juga dengan orang-orang yang mempunyai perjanjian dengan umat Islam yang mungkin mendapat taraf *musta'man* sementara (sebagai rakyat negara yang berperang dengan negara Muslim dan diberi kebenaran memasuki wilayah Muslim) ataupun kekal sebagai *zimmi* (rakyat negara Muslim yang bukan seorang Muslim) di bumi Muslim; hubungan dengan *murtaddun* (orang yang murtad) dan hubungan dengan *Baghun* (pemberontak).”

Siyar juga termasuk peraturan-peraturan dalam pergaulan bertamadun dengan bangsa-bangsa dan negara-negara yang tinggal bersahabatan dengan umat Islam (Abu Sulayman, 1988). *Siyar* menjadi tonggak perbahasan wacana berkenaan Undang-Undang Antarabangsa Islam yang menekankan prinsip-prinsip kemanusiaan di antara umat Islam dan bukan Islam baik sewaktu damai mahupun sewaktu perang.

Prinsip-prinsip Islam mengenai kemanusiaan lebih menekankan aspek etika dan nilai-nilai murni secara universal sebagai dasar hak asasi manusia, kerana tuntutan rasa kesedaran tunduk kepada norma-norma agama dijadikan sebagai landasan utama bagi tertegaknya Islam. Etika dalam

undang-undang antarabangsa menurut perspektif Islam adalah etika yang didasarkan kepada syariat yang bersumber daripada al-Qu’ran, hadis serta praktikal Rasulullah di lapangan.

Oleh itu, penulis berpandangan artikel berkenaan prinsip kemanusiaan dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam serta relevansi atau kesesuaiannya dengan undang-undang antarabangsa masa kini amat penting untuk diketengahkan kerana ia berkait erat dengan etika Islam yang bersifat global dan sejagat. Hal ini sedikit sebanyak dapat menepis dakwaan yang mengatakan bahawa Islam adalah agama keganasan secara tidak langsung dapat membuka mata dan mencambah minda masyarakat bahawa Islam pada hakikatnya menjunjung tinggi aspek kemanusiaan melalui prinsip kemanusiaan dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam.

Walaupun kajian seputar Undang-Undang Antarabangsa Islam ini agak suram perbahasannya di kalangan para ahli akademik dan ilmuwan moden, ia tidak boleh dijadikan alasan untuk umat Islam berpangku tangan dan berpeluk tubuh dengan tidak mengangkat bidang penulisan ini menjadi suatu diaspora ilmu supaya ia tidak hanya menjadi nostalgia tekstual dan monumental, lebih-lebih lagi di saat dunia hari ini semakin berkecamuk dan berantakan disebabkan hilangnya sifat kemanusiaan dalam diri manusia itu sendiri.

2.0 DASAR-DASAR HUBUNGAN KEMANUSIAAN DALAM ISLAM

Sebelum penulis membahaskan berkenaan prinsip kemanusiaan dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam, izinkan penulis untuk menggali terlebih dahulu asas atau dasar hubungan kemanusiaan dalam Islam. Hal ini supaya gambaran terhadap konsep hubungan kemanusiaan dalam Islam itu tertuang di dalam artikel ini, seterusnya memudahkan kita untuk mendalami bagaimana Islam mengatur hubungan kemanusiaan melalui prinsip-prinsip kemanusiaan baik sewaktu damai mahupun perang.

Apabila diteliti dan ditelusuri kajian para tokoh dalam bidang Undang-Undang Antarabangsa Islam, mereka telah menggariskan beberapa dasar hubungan kemanusiaan dalam Islam yang boleh memberi impak kepada kehidupan bernegara dan hubungan antarabangsa masa kini. Sudah tentu, dasar-dasar yang dimaksudkan itu banyak, akan tetapi penulis hanya memperincikan 3 dasar yang utama, iaitu:

2.1 Kesatuan Umat Manusia

Dasar ini menegaskan bahawa manusia merupakan satu kesatuan umat kerana masing-masing ialah makhluk ciptaan Allah, walaupun berbeza bangsa, warna kulit, tanah air dan agama (Abu Sulayman, 1993). Islam memandang umat manusia itu satu umat, yang disatukan oleh slogan kemanusiaan. Menurut Syeikh Muhammad Abu Zahrah (1995), meskipun keinginan setiap manusia itu berbeza, akan tetapi asal mereka tetap satu.

Sepertimana yang termaktub di dalam al-Quran bahawa Allah menjadikan manusia dari diri yang satu (Adam) dan daripadanya diciptakan pula isteri (Hawa). Kemudian, daripada kedua ibu bapa yang mulia ini, lahir umat manusia. Firman Allah Ta’ala yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.”

(Surah al-Nisa’ 4:1)

2.2 Persamaan di antara Manusia

Kesinambungan daripada dasar yang pertama di atas, Islam memandang seluruh umat manusia sama kedudukannya dalam syariat Islam. Menurut Ija Suntana (2015), dasar persamaan ini menekankan bahawa setiap bangsa di dunia harus menempatkan bangsa lain sebagai pemilik darjat yang sama.

Dalam Islam, tidak diperkenankan apa jua pertimbangan asal usul, ras, agama, bahasa dan status sosial dalam menentukan hak membangun hubungan di antara manusia. Isi kesepakatan hubungan atau kerjasama harus menempatkan setiap bangsa dalam posisi sederajat dalam setiap hak dan kewajiban (Ahmad, 1972). Tidak ada keutamaan bagi sesuatu bangsa ke atas bangsa yang lain dan tidak ada perbezaan di antara mereka yang berkulit putih dengan yang berkulit hitam kecuali dengan kadar taqwa. Hal ini jelas dipancarkan melalui hadis Rasulullah yang bermaksud:

“Dari Abu Nadhrah telah menceritakan kepadaku seseorang yang pernah mendengar khutbah Rasulullah di tengah-tengah hari Tasyriq, baginda bersabda: “Wahai sekalian manusia! Rabb kalian satu, dan ayah kalian satu (Nabi Adam). Ingatlah! Tidak ada kelebihan bagi orang ‘Arab ke atas orang ‘Ajam (bukan ‘Arab) dan bagi orang ‘Ajam ke atas orang ‘Arab. Tidak ada kelebihan bagi orang berkulit merah ke atas orang berkulit hitam, bagi orang berkulit hitam ke atas orang berkulit merah kecuali dengan ketaqwaan. Apa aku sudah menyampaikan?” Mereka menjawab: “Ya, benar! Rasulullah telah menyampaikan.”

(HR. Ahmad, no. 22391)

Hadis di atas secara jelas menunjukkan bahawa tidak ada kelebihan atau kemuliaan seseorang manusia ke atas manusia lainnya berdasarkan etnik dan warna kulit. Sabda Nabi sesuai dengan pesan al-Qur’an, “Yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa” (Surah al-Hujurat: 13). Kemuliaan seluruh manusia itu dipandang sama kerana terkait dengan penciptaan Adam dan Hawa dari tanah. Yang membuat mereka lebih mulia berbanding yang lainnya ialah perkara-perkara keagamaan, iaitu keta’atan terhadap Allah Ta’ala dan rasulNya (Ibnu Kathir, 2015).

2.3 Kerjasama di antara Manusia

Kerjasama di antara manusia merupakan dasar yang mencerminkan bahawa seseorang manusia tidak mampu melengkapi seluruh keperluan dirinya, maka dia memerlukan bantuan orang lain sebagaimana orang lain memerlukan bantuannya. Oleh kerana manusia itu berasal dari asal-usul yang satu, maka hal itu memerlukan kepada kerjasama dan tolong menolong di antara satu sama lain (Panitia Professor-Professor Fakulti Syari’ah dan Undang-Undang Universiti Al-Azhar, 2004).

Kerjasama dan tolong-menolong ditegaskan di dalam al-Quran sebagai suatu dasar umum bagi seluruh masyarakat. Allah Ta’ala memerintahkan manusia supaya sentiasa bertolong-tolongan dalam hal-hal kebajikan dan melarang dalam hal-hal perbuatan yang salah (dosa) dan permusuhan, sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”

(Surah al-Maidah 5:2)

Maka, tolong-menolong ialah tiang kehidupan manusia sama ada individu atau jama'ah dan sebagaimana tolong-menolong itu terjalin di antara individu dan masyarakat, ia juga boleh terjalin di antara negara-negara.

Dasar kerjasama ini telah diterapkan oleh baginda Nabi dalam hubungan antarabangsa, sewaktu beliau berhijrah ke Madinah dan mengasaskan negara Islam, beliau telah mengadakan beberapa perjanjian kerjasama. Di antara perjanjian kerjasama tersebut ialah perjanjian Hudaibiyah dan perjanjian kerjasama antarabangsa dalam bidang pertanian dengan Yahudi Khaibar yang mana Rasulullah membiarkan mereka untuk terus tinggal di Khaibar dan mereka berhak mengambil separuh daripada hasil pertaniannya (Panitia Professor-Professor Fakulti Syari'ah dan Undang-Undang Universiti Al-Azhar, 2004).

Selain itu, di antara dasar-dasar kerjasama yang dibawa oleh Nabi ialah kerjasama dan tolong-menolong dalam membela pihak yang lemah. Ketika beliau berumur 25 tahun, beliau menghadiri pertemuan beberapa orang bangsawan Quraisy yang diadakan di rumah Abdullah bin Jud'an, yang mana mereka ketika itu sedang mengadakan perjanjian membela pihak yang lemah dalam menghadapi pihak yang kuat. Perjanjian ini diberi nama "*Hilf al-Fudhu*" kerana disepakati oleh para *afadhil* (orang-orang yang memiliki keutamaan) (Al-Mawardi, 1989). Nabi sangat menyukai perjanjian seperti itu sehingga baginda bersabda: "Sekiranya aku diajak ikut serta di dalam perjanjian serupa itu di masa Islam, pasti aku akan menyertainya" (HR. Al-Baihaqi, no. 13080).

Dasar kerjasama ini menjadikan manusia dapat menikmati rasa persaudaraan atas dasar kemanusiaan dan menyedari kepentingan tolong-menolong dalam segala bentuk dan cara yang disepakati. Hal ini sekaligus dapat melenyapkan nafsu permusuhan dan perebutan hidup yang boleh menjerumuskan umat manusia dan kehidupan dunia ke arah kehancuran (Abu Zahrah, 1995).

3.0 PRINSIP KEMANUSIAAN DALAM UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA ISLAM

Undang-Undang Antarabangsa Islam atau disebut *Siyar* sebagai undang-undang yang bersumber dari al-Quran dan hadis serta praktik yang diterapkan oleh Rasulullah dalam sejarah merupakan seperangkat undang-undang yang bersifat universal, bukan hanya untuk satu golongan, tetapi untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. Sepertimana termaktub di dalam al-Quran, surah al-Anbiya' 21:107; al-A'raf 7:158 dan Saba' 34:28.

Oleh kerana itu, Undang-Undang Antarabangsa Islam hadir untuk mengatur tindak tanduk di antara seluruh masyarakat dalam rangka persahabatan dan kerjasama di antara satu golongan dengan golongan lain dalam memenuhi keperluan masing-masing seterusnya dapat mengatur dasar hubungan kemanusiaan yang telah digariskan.

Dalam mengatur tindak tanduk dan dasar-dasar hubungan di antara umat manusia, Islam telah menetapkan beberapa prinsip kemanusiaan yang bersesuaian melalui Undang-Undang Antarabangsa Islam. Prinsip kemanusiaan ini dapat dibahagikan kepada dua situasi, iaitu sewaktu damai dan sewaktu perang.

3.1 Prinsip Kemanusiaan Sewaktu Damai

Salah satu daripada sembilan puluh sembilan *asma'* Allah adalah *al-Salam* (Maha Damai). Setiap lafaz (kata) yang diucapkan umat Islam ketika menyapa saudaranya ialah ucapan "*salam*" (perdamaian). Ucapan terakhir dalam pelaksanaan solat juga adalah "*salam*" (perdamaian). Demikian juga, kata sifat dari Muslim bermaksud perdamaian manakala sifat syurga dalam Islam merupakan suatu tempat yang damai (*Dar al-Salam*) (Abdullah, 2002).

Hal di atas memperlihatkan betapa mendasar dan kukuhnya erti perdamaian dalam Islam. Dalam semua aturannya, Islam terkehadapan dalam memberikan penyelesaian bersama umat lain atas faktor perdamaian dan keamanan. Majoriti ilmuwan Islam telah menetapkan bahawa hukum asal (kaedah umum) hubungan di antara umat Islam dengan bukan Islam ialah perdamaian, bukan peperangan (Al-Zuhaili, 2012). Sebagaimana diungkapkan melalui kaedah, “Dasar dalam hubungan antarabangsa ialah perdamaian” (Muhammad Hasbi, 1971).

Dalil yang menjadi sandaran bagi kaedah ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah Ta’ala yang bermaksud:

“Dalam pada itu, jika mereka membiarkan kamu (dengan tidak mengancam atau mengganggu), serta mereka tidak memerangi kamu dan mereka menawarkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak menjadikan bagi kamu suatu jalan (yang membolehkan kamu memerangi atau menawan) mereka.”

(Surah al-Nisa’ 4:90)

Di ayat yang lain, Allah Ta’ala berfirman yang bermaksud:

“Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Anfal 8:61)

Berdasarkan dalil-dalil di atas, para pakar fiqh Islam telah menetapkan motif peperangan dalam Islam ialah kerana diserang atau dimusuhi, bukan kerana kafirnya musuh atau perbezaan agama. Justeru, tidak dibolehkan membunuh masyarakat atau mereka yang tidak menyerang bahkan perlu untuk memberi perlindungan kepada orang bukan Islam yang berada di dalam negara Islam secara damai.

3.1.1 Tujuan Perdamaian Dalam Islam

Dalam keadaan damai, Islam mendukung umatnya supaya membuka cakrawala interaksi dengan umat yang lain bertujuan menjalin hubungan yang baik sesama mereka. Al-Faqih bin Solah seperti dikutip oleh Wahbah al-Zuhaili (2012) berkata:

“Hukum asal interaksi dengan orang kafir ialah membiarkan mereka hidup dan mengakui keberadaan mereka, kerana Allah menciptakan atau meniadakan makhluk bukanlah supaya saling membunuh. Bolehnya membunuh mereka hanyalah kerana adanya bahaya yang muncul dari mereka. Peperangan bukan balasan terhadap orang kafir kerana kekafirannya, kerana dunia bukanlah tempat pembalasan, pembalasan hanyalah di akhirat. Jika gambaran permasalahannya demikian, maka tidak benar jika dikatakan bahawa “hukum asal adalah memerangi orang kafir.”

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa salah satu dasar hubungan kemanusiaan dalam Islam ialah Islam menganggap manusia itu umat yang satu yang tidak dibezakan oleh warna kulit dan kebangsaan. Apabila manusia itu umat yang satu, persaudaraan atas semangat dan prinsip kemanusiaan perlu tetap terpelihara hubungannya dan tidak boleh terputus.

3.1.2 Hubungan Kasih Sayang Umat Islam Dengan Bukan Islam

Prinsip kemanusiaan sewaktu damai dipenuhi dengan nilai-nilai murni yang dapat menjalin hubungan kemanusiaan di antara umat Islam dan bukan Islam. Di antara nilai-nilai murni tersebut ialah kasih sayang.

Dalam keadaan damai, Islam tidak melarang untuk mewujudkan hubungan kasih sayang di antara manusia walaupun berbeza agama dan bangsa kerana Islam memandang manusia sebagai satu umat yang kesemuanya berasal dari Adam ‘alaihissalam. Ayat al-Quran jelas membolehkan berbuat baik dan berkasih sayang kepada orang yang tidak memerangi agama Islam, tidak mengusir umat Islam serta tidak membantu pihak lain untuk mengusir umat Islam dari kampung halamannya.

Allah Ta’ala gambarkan melalui firman-Nya yang bermaksud:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

(Surah al-Mumtahanah 60:8-9)

Majoriti ahli tafsir menyatakan bahawa ayat di atas menyifatkan hubungan baik dengan orang bukan Islam. Syeikh Abdurrahman bin Nasir al-Sa’di (2003) menafsirkan:

“Allah tidak melarang kalian untuk berbuat baik, menyambung silaturrahim, membalas kebaikan, berbuat adil kepada orang-orang musyrik, baik dari keluarga kalian dan orang lain. Selama mereka tidak memerangi kalian kerana agama dan selama mereka tidak mengusir kalian dari negeri kalian, maka tidak mengapa kalian menjalin hubungan dengan mereka kerana menjalin hubungan dengan mereka dalam keadaan seperti ini tidak ada larangan dan tidak ada kerosakan.”

Apabila dikaji *asbab nuzul* ayat di atas, ia turun berkenaan dengan Asma’ binti Abu Bakar radhiyallahu ‘anhuma ketika dia bertanya kepada Rasulullah tentang kedatangan ibunya yang *musyrikah* kepadanya, sama ada adakah wajib untuknya menyambung silaturrahim? Lalu Rasulullah menjawab: “Ya, hubungkanlah silaturrahim kamu dengannya” (HR. Bukhari, no. 2620 dan Muslim, no. 1003).

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa Islam tidak melarang menjalin hubungan silaturrahim dengan orang bukan Islam dalam batas yang diizinkan oleh syara’, apatah lagi mereka itu keluarga terdekat seperti ibu bapa, adik, abang dan sebagainya. Hal ini kerana Islam ialah agama rahmat (kasih sayang).

Sifat rahmat Islam tidak hanya tergambar melalui semangat “*din*” Islam itu sendiri, tetapi melalui risalah Nabi Muhammad yang bersifat sejagat, menyeru seluruh alam dan seluruh umat manusia ke arah kebaikan dan berkasih sayang. Sepertimana firman Allah Ta’ala yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

(Surah al-Anbiya’ 21:107)

Di ayat yang lain, Allah Ta’ala berfirman yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya...”

(Surah Saba’ 34:28)

Dua ayat di atas jelas menjadi dalil akan kesejagatan syari’at Islam dan membuktikan bahawa syari’at Islam hadir menjadi pedoman buat seluruh umat manusia yang natijahnya dapat menguatkan kesatuan dan mengukuhkan prinsip persaudaraan atas dasar kemanusiaan di antara mereka.

3.1.3 Toleransi dan Kebebasan Beragama

Islam membina hubungan kemanusiaan, baik di antara individu atau di antara kelompok, atas dasar toleransi yang tidak menyerah kepada kejahatan. Allah Ta’ala menyeru umat manusia menolak permusuhan dengan tindakan yang lebih baik kerana penolakan yang baik akan menimbulkan persahabatan. Firman Allah Ta’ala yang bermaksud:

“Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.”

(Surah Fussilat 41:34)

Toleransi ini tidak hanya tertulis di dalam kitab suci al-Quran, bahkan secara praktikalnya, Islam menunjukkan toleransi yang tinggi dengan ahli *zimmi*, iaitu orang-orang bukan Islam yang mengadakan perjanjian dengan umat Islam untuk hidup secara damai dalam suatu wilayah (negara) dan mereka dikenakan *jizyah* (cukai peribadi). Mereka tidak ditindas bahkan dibiarkan menjalani aktiviti keagamaan mereka.

Sebagai contoh, Rasulullah telah menetapkan kaedah-kaedah toleransi beragama yang terdapat dalam perjanjian dengan ahli Najran. Ahli Najran mendapat perlindungan manakala Rasulullah pula bertanggungjawab ke atas harta benda mereka, jiwa, agama dan wilayah yang diduduki mereka. Tidak ada penghinaan dan penindasan terhadap mereka (Panitia Professor-Professor Fakulti Syari’ah dan Undang-Undang Universiti Al-Azhar, 2004).

Fenomena toleransi ini lebih jelas ketika mana Rasulullah menyerahkan kembali beberapa lembaran Taurat kepada Yahudi Khaibar walaupun ia termasuk *ghanimah* bagi kaum Muslimin semasa peperangan tersebut. Perbuatan ini amat jelas mencerminkan toleransi yang dibawa oleh Islam melalui baginda Nabi berbanding perbuatan orang-orang Nasrani yang ekstrem dalam penindasan mereka terhadap orang Yahudi Andalus yang mana mereka membakar lembaran-lembaran kitab Taurat (Haekal, 1984).

Nilai-nilai yang diajarkan oleh Rasulullah tidak hanya terhenti pada masa baginda. Para Sahabat setelahnya juga meneladaninya dengan sangat baik nilai-nilai toleransi yang diajarkan oleh baginda terhadap ahli *zimmi*. Sebagai contoh, pada zaman Saidina Umar bin Khattab radhiyallahu ‘anhu, melalui perjanjian Aelia yang dicanangkan, beliau telah menjamin keamanan pemeluk agama lain,

rumah ibadat dan gereja mereka. Mereka sama sekali tidak dipaksa memeluk Islam (Al-‘Aqqad, 2000).

Hal ini terbukti ketika mana Saidina Umar al-Khattab radhiyallahu ‘anhu melawat sebuah gereja di Syam, lalu telah masuk waktu solat. Maka Saidina Umar mendirikan solat di luar gereja kerana bimbang kaum Muslimin mengubah gereja itu menjadi masjid sekaligus menghalang orang-orang Nasrani mengamalkan ajaran mereka. Kemudian, beliau menulis wasiat kepada umat Islam supaya tidak mendirikan solat di situ melainkan secara sendirian (tanpa berjemaah) dan tanpa azan (Al-Azhar al-Syarif Majma’ al-Buhuth al-Islamiah, 2019).

Peristiwa lain yang menunjukkan ketinggian toleransi kaum Muslimin dengan ahli *zimmi* ialah ketika ‘Amru bin ‘Ash radhiyallahu ‘anhu membebaskan Mesir, penduduk Mesir sebagai ahli *zimmi* pada waktu itu dijamin keamanannya. Mereka dilindungi kesejahteraannya, bebas menjalankan ibadah keagamaannya, dilindungi jiwa dan harta mereka manakala umat Islam dilarang menindas apatah lagi membunuh mereka. Yang menjadi perhatian utama ‘Amr bin ‘Ash ialah tentang kebebasan beragama sekaligus jaminan keamanan bagi mereka (‘Imarah, 2010).

Beliau juga memberi jaminan kepada ketua paderi Benjamin untuk menyerahkan semula kekuasaannya dalam mengurus gereja setelah 13 tahun dipecat oleh Byzantium Romawi. Maka, ‘Amr bin ‘Ash memerintahkan supaya menyambut baik Benjamin ketika hadir ke kota Iskandariyah. Lalu Benjamin berpidato dengan jelas yang mengandungi cadangan-cadangan yang dilihat penting untuk menjaga kewujudan gereja. Lalu ‘Amru menerima dan memberinya kuasa penuh ke atas penduduk Qibti untuk mentadbir urusan gereja (El Hareir & Mbaye, 2011).

Peristiwa yang dikemukakan di atas hanya sekelumit contoh daripada pelbagai peristiwa yang menggambarkan toleransi umat Islam. Tidak diragukan lagi bahawa semangat toleransi ini merupakan salah satu prinsip kemanusiaan sewaktu damai untuk membina hubungan di antara manusia yang berlainan agama dan bangsa secara tidak langsung menghadirkan ketenangan bagi ahli *zimmi* yang bernaung di bawah panji Islam sehingga dapat hidup dengan aman serta dapat melaksanakan kewajipan mereka dengan sebaiknya.

3.2 Prinsip Kemanusiaan Sewaktu Perang

Prinsip kemanusiaan dalam Islam diterapkan dalam apa jua keadaan, baik sewaktu damai mahupun perang. Selain menjaga prinsip kemanusiaan sewaktu damai, syariat Islam juga mengatur prinsip kemanusiaan sewaktu berlakunya peperangan atau sering diistilahkan sebagai konflik bersenjata.

Dalam hal ini, ditetapkan pelbagai kaedah yang jelas untuk mengawal tindak tanduk peperangan bertujuan meminimalkan pelbagai dampak negatif akibat konflik bersenjata yang berlaku. Oleh sebab itu, Islam memerintahkan supaya memasuki medan perang dengan nafas kemanusiaan supaya peperangan yang berlaku dapat dijalani secara manusiawi (Al-Hindi, 1989).

3.2.1 Tujuan Peperangan Dalam Islam

Perang dalam wacana Islam mempunyai beberapa tujuan tertentu yang dapat dijadikan asas pelaksanaan perang dalam Islam. Kerana perang merupakan langkah darurat dan tindakan terakhir setelah jalur perdamaian yang ditempuh menemui kegagalan. Seorang Muslim tidak diizinkan untuk pergi berperang dan membunuh pihak musuh, kecuali kerana alasan yang dibenarkan syara’. Sepertimana firman Allah Ta’ala yang bermaksud:

Maksudnya: “...dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak). Dengan

yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.”

(Surah al-An'am 6:151)

Dasar syari'at yang berkaitan dengan tujuan perang dalam Islam terkandung di dalam surah al-Baqarah, ayat 190 yang merupakan ayat terawal turun berkaitan peperangan (Al-Tabari, 2001) serta menjadi landasan utama etika pelaksanaan jihad di dalam Islam. Firman Allah Ta'ala yang bermaksud:

“Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”

(Surah al-Baqarah 2:190)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa syarat utama dimulakan peperangan ialah kerana posisi permusuhan dari pihak musuh kerana syari'at Islam melarang segala bentuk peperangan tanpa alasan yang benar. Peperangan hanya dibenarkan dalam rangka untuk mempertahankan diri (*self-defence*), melawan pencerobohan, penindasan dan sebarang bentuk kezaliman (Navaid, 2010). Ayat al-Quran lain menjelaskan:

Maksudnya: “Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya.”

(Surah al-Hajj 22:39)

Ayat di atas jelas menggambarkan bahawa telah diizinkan berperang bagi pihak yang diperangi atas faktor penganiayaan. Lebih dari itu, setiap manusia atau bangsa yang teraniaya memiliki hak untuk mendapatkan dukungan yang sah dari pihak atau bangsa lain (Ibnu Rushd, 1988). Sebagaimana dijelaskan melalui firman Allah Ta'ala yang bermaksud:

“Mengapa kamu tidak mahu berperang pada jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah (tertindas) baik lelaki, perempuan mahupun kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang zalim penduduknya, dan berilah kami pelindung dari sisiMu dan berilah kami penolong dari sisiMu”.”

(Surah al-Nisa', 4:75)

Dari ayat di atas, jelas terpancar bahawa usaha menghapuskan pelbagai bentuk penganiayaan, kezaliman dan tirani tidak hanya berkaitan dengan hubungan antarabangsa sahaja, tetapi juga berkaitan dengan hubungan antara manusia tanpa membezakan agama, kebangsaan, kewarganegaraan, jenis kelamin, warna kulit dan bahasa. Ia juga mencerminkan asas hubungan kemanusiaan dalam Islam iaitu asas kesatuan dan persamaan umat manusia tanpa ada perbezaan. Dengan kata lain, ayat tersebut menggambarkan pengaplikasian secara universal dan berbentuk sejagat walaupun diturunkan pada peristiwa tertentu (*al-'ibrab bi 'umum al-lafẓ la bi khusus al-sabab*) (Al-Ghazali, 1997).

3.2.2 Pelaksanaan Tindakan Sewaktu Perang

Dalam mendepani serangan dan penganiayaan daripada pihak musuh, Islam sebagai agama yang memandang tinggi martabat manusia dan sifat kemanusiaan telah menggariskan beberapa aturan sewaktu perang yang mana penulis perincikan seperti berikut:

3.2.2.1 *Membezakan Di Antara Pihak Yang Bertempur Dengan Pihak Yang Tidak Bertempur (Non-Combatant).*

Kaedah peperangan dalam syariat Islam memiliki aturan yang sangat penting kerana membezakan di antara pihak yang bertempur dengan pihak yang tidak bertempur. Kaedah ini menetapkan secara jelas larangan melakukan pelanggaran sewaktu berlakunya peperangan yang mana dalam Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA) dikenali sebagai “*distinction principle*” (prinsip pembezaan) (Zemmali, 2012).

Hal ini disandarkan kepada firman Allah Ta’ala yang bermaksud: “Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas” (Surah al-Baqarah 2:190). Penting untuk dicermati bahawa ayat di atas secara tegas menyatakan walaupun peperangan diizinkan dalam Islam untuk tujuan-tujuan yang telah disebutkan sebelum ini, akan tetapi di dalamnya terkandung ancaman untuk tidak melampaui batas-batas sewaktu peperangan, kerana Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.

Sejak 14 abad yang lalu, Islam telah mengenali prinsip pembezaan ini dalam masa yang sama mewajibkan pemberian perlindungan terhadap orang awam yang tidak terlibat di dalam konflik bersenjata daripada tindakan agresif dan aksi yang boleh memudharatkan mereka (Al-Zayyid, 2008). Segala pertempuran di medan perang hanya diarahkan kepada pihak yang terlibat di dalam pertempuran. Orang awam yang tidak ikut serta di dalam pertempuran tidak boleh dilukai atau dijadikan sasaran serangan.

Menurut Abu Ghuddah (1999), orang awam mencakupi semua pihak yang tidak terlibat di dalam konflik bersenjata serta tidak mungkin berperang baik dari sudut pertimbangan fizik seperti perempuan, anak-anak, orang tua dan lainnya atau dari sudut kebiasaannya memang tiada hubungan dengan aktiviti perang dalam apa jua bentuk.

Beberapa hadis Nabi Muhammad telah mencatatkan bahawa beliau melarang membunuh beberapa kelompok orang awam di kalangan golongan tertentu iaitu orang tua, anak-anak dan orang perempuan. Antara pesanan Rasulullah kepada para perajuritnya ketika dihantar ke medan perang ialah: “Berangkatlah dengan nama Allah dan atas agama Rasulullah. Janganlah membunuh orang tua, anak-anak, orang perempuan dan jangan melampaui batas.” (HR. Abu Daud, no. 2614).

Berdasarkan hadis Rasulullah di atas, dapat disimpulkan bahawa tiga kelompok manusia yang tidak boleh dibunuh, iaitu: 1) Orang tua; 2) Anak-anak; 3) Perempuan. Ini bermaksud, golongan ini tidak diperkirakan akan ikut serta di dalam pertempuran kerana perang dalam Islam bukan bertujuan untuk membasmi pihak musuh, tetapi untuk mempertahankan diri dan menghentikan serangan dari pihak musuh. Oleh itu, perang tidak boleh melangkai batas tersebut.

Jika telah diketahui alasan tidak dibenarkan membunuh golongan yang disebutkan di atas kerana diperkirakan mereka tidak akan turut serta di dalam peperangan, maka sesiapa yang tidak ikut serta di dalam peperangan dari apa jua golongan juga dianggap sebagai orang awam yang mencakupi konteks ini (Al-Zayyid, 2008).

Sebagai contoh, dalam redaksi hadis yang lain, Rasulullah memerintahkan kepada para panglima yang pergi ke medan perang supaya: “Jangan berkhianat, melampaui batas, merosakkan organ mayat dan jangan membunuh anak dan tidak pula para penghuni rumah ibadat” (HR. Ahmad, no. 2728).

Melalui redaksi hadis di atas, dapat dilihat kelompok tambahan yang dilarang untuk dibunuh iaitu penghuni rumah ibadat yang banyak menghabiskan waktunya di dalam gereja atau di dalam rumah ibadat lainnya. Mereka merupakan di antara kelompok yang tidak ikut serta di dalam pertempuran sehingga hukum larangan membunuh mereka tetap berlaku.

Namun begitu, larangan ini berlaku kepada mereka selama mereka tidak ikut serta berperang. Jika ikut serta di dalam peperangan, maka mereka bukan termasuk orang awam yang dilarang untuk dibunuh, tetapi termasuk tentera pihak musuh dan berlaku bagi mereka ketentuan sebagai pihak yang bertempur (Al-Sarakhsi, 1997). Pandangan ini senada seperti yang dikemukakan oleh Imam al-Mawardi di dalam kitabnya yang masyhur, *al-Abkam al-Sultaniyyah* yang mana seandainya golongan seperti pendeta mengambil bahagian di dalam pertempuran atau memberikan suatu gagasan yang boleh merugikan pihak Muslim di medan peperangan, maka terbatal larangan membunuh mereka (Al-Mawardi, 1989).

Prinsip pembedaan sewaktu perang juga telah diterapkan oleh Sahabat Rasulullah, iaitu Khalifah Abu Bakar al-Siddiq ketika mana beliau menyampaikan pesanan kepada Yazid bin Abi Sufyan yang diutus ke Syam. Pesanan beliau mencakupi hal-hal berikut:

“Jangan sampai anak-anak terbunuh, juga perempuan, orang tua, orang sakit dan pendeta; jangan merosak pohon yang berbuah; jangan merosak bangunan dan menyembelih keldai dan lembu kecuali sekadar untuk makan; dan jangan pula menenggelamkan pohon kurma serta jangan pula membakarnya”

(HR. Al-Baihaqi, no. 18148)

Berdasarkan keterangan di atas, jelas bahawa Islam mendahulukan aspek kemanusiaan sewaktu peperangan melalui prinsip pembedaan baik di antara orang awam dan pihak yang bertempur (*combatant*), serta di antara objek serangan dan objek sivil sepertimana terlihat di dalam pesanan khalifah Abu Bakar al-Siddiq. Atas dasar ini, Islam tidak membenarkan membunuh orang awam serta merosakkan harta benda awam walaupun sewaktu peperangan.

3.2.2.2 Larangan Merosakkan Organ Tubuh Mayat Pihak Musuh

Islam memiliki prinsip yang sangat jelas tentang larangan terhadap merosakkan organ atau anggota tubuh mayat pihak musuh. Hal ini kerana Islam menjunjung tinggi kehormatan dan harga diri setiap manusia serta keselamatan tubuhnya walaupun setelah meninggal dunia.

Prinsip Islam melarang tentera Muslim untuk menyiksa pihak musuh, memperlakukannya dengan cara yang bertentangan dengan kehormatan manusia atau merosakkan (memutilasi) organ tubuh mayat pihak musuh. Rasulullah melarang merosakkan jasad atau organ tubuh mayat pihak musuh, bahkan beliau memerintahkan supaya menguburkan mayat tentera pihak musuh yang menjadi korban peperangan dan tidak membiarkannya terletak begitu sahaja di atas tanah.

Sewaktu perang Badar, Rasulullah telah memerintahkan supaya menguburkan mayat tentera Musyrik di sebuah tempat bernama Qulayb (‘Ali Mansur, 1973). Beliau juga mengarahkan supaya menguburkan mayat panglima tentera kafir Quraisy, Umayyah bin Khalaf supaya tidak menjadi santapan binatang buas (Ibnu Hisyam, 1997).

Larangan terhadap tindakan merosakkan organ tubuh mayat pihak musuh juga dapat dilihat melalui arahan baginda sewaktu mengutus pasukan di medan perang, iaitu: “Jangan melakukan khianat dan jangan merosakkan (mutilasi) organ mayat pihak musuh” (HR. Muslim, no. 4522).

Konteks yang sama terungkap melalui sabda baginda yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik yang bermaksud:

“Satu-satunya khutbah Rasulullah yang tidak seperti khutbah yang lain, iaitu memerintahkan untuk bersedekah dan melarang merosak organ tubuh mayat.”

(HR. Al-Baihaqi, no. 17916)

Begitu juga ketika mana kepala panglima tentera Syria, Yannaq al-Bitriq dibawa kepada khalifah Abu Bakar al-Siddiq radhiyallahu ‘anhu. Beliau melarang keras untuk membawa kepala panglima musuh kepadanya, lantas mengutus surat kepada para panglimanya: “Jangan membawa kepala musuh kepadaku. Jika itu kalian lakukan, bermaksud kalian bertindak sewenang-wenangnya. Cukup bagiku *al-Kitab* dan *al-Khabar* (al-Quran dan Sunnah)” (Al-Sarakhsi, 1957). Khalifah Abu Bakar al-Siddiq telah menjelaskan bahawa perbuatan tidak berperikemanusiaan ini termasuk perbuatan *sunnah al-‘ajam* (amalan kaum jahiliyyah yang diikuti orang bukan Islam) dan dilarang meniru perbuatan mereka (Al-Athqalani, 1992).

Sejumlah paparan peristiwa di atas jelas menunjukkan bahawa Islam bukan sahaja memelihara kehormatan manusia yang masih hidup, bahkan memelihara kehormatan jasad manusia yang telah mati. Sesuai dengan ungkapan Fakhrudin al-Razi di dalam kitab *Mafatih al-Ghaib*: “Jiwa manusia adalah jiwa termulia di alam semesta ini, demikian juga dengan jasad manusia” (Al-Hindi, 2012).

3.2.2.3 *Perlindungan Terhadap Orang Luka Dan Tawanan*

Syariat Islam mengharamkan melakukan pembunuhan secara besar-besaran terhadap pihak musuh atau sering diistilahkan sebagai *genocide*, sebaliknya Islam sebagai agama yang mendukung nilai-nilai kemanusiaan memberikan perlindungan dan hak hidup kepada pihak musuh ketika mana di bawah tanggung jawab kaum Muslimin.

Prinsip perlindungan ini yang mana telah dikutip oleh tentera Salib (pihak Kristian) dari umat Islam (Boisard, 1980) dapat ditemui di dalam firman Allah Ta’ala yang bermaksud:

“Dan jika seseorang dari kaum Musyrik meminta perlindungan kepadamu, maka berilah perlindungan kepadanya.”

(Surah al-Taubah 9:6)

Prinsip perlindungan ini juga termaktub di dalam salah satu gubahan sastera Arab yang bermaksud, “Berilah pertolongan kepada mereka yang meminta pertolongan” (Al-Hindi, 2012). Objektif berperang di dalam Islam ialah untuk melemahkan kekuatan pihak musuh dan bukan untuk membasminya. Jika tujuan tersebut telah tercapai, baik secara sukarela mahupun terpaksa, maka membunuh dan menyeksa pihak musuh tidak dibolehkan. Prinsip ini sesuai dengan falsafah hukum Islam tentang peperangan, seperti diungkapkan oleh Rasulullah melalui sabdanya: “Aku adalah nabi pembawa rahmat, dan nabi yang ikut berperang” (HR. Ibnu Hibban, no. 631).

Berdasarkan sabda nabi di atas, kalimah perang berdampingan dengan rahmat dan rahmat didahulukan dari kalimah perang sehingga tertanam dalam jiwa seorang pejuang Muslim bahawa dia adalah tangan keadilan dan bukan pedang kekejaman. Walau berkecamuknya peperangan kerana darurat, namun Islam tetap mendahulukan aspek moral dan nilai kemanusiaan.

Salah satu aspek moral dan nilai kemanusiaan yang dibawa oleh Islam sewaktu peperangan ialah perintah supaya memberi perlindungan terhadap tentera musuh yang luka atau ditawan. Hilangnya kewajipan berperang mungkin terjadi disebabkan kekalahan pihak musuh, pihak musuh menyerah kalah serta tentera pihak musuh menderita luka yang parah atau menjadi tawanan.

Maka, dalam konteks ini, Islam melarang keras melakukan tindakan tidak berperikemanusiaan terhadap pihak musuh yang menyerah, sudah tidak berdaya atau menyeksa pihak musuh yang sakit atau luka (Mahmud, 2008). Hal ini kerana mereka semua telah tergolong sebagai *hors de combat*, iaitu tentera yang tidak lagi terlibat di dalam pertempuran.

Salah satu argumentasi yang menunjukkan bahawa Islam mengutamakan perlindungan terhadap orang yang sakit atau luka sekaligus melarang untuk menyeksa dan membunuh orang yang sakit atau luka ialah melalui sikap Rasulullah terhadap penduduk Mekah sewaktu kota itu dibebaskan oleh kaum Muslimin. Ketika kota tersebut berjaya dibebaskan oleh Rasulullah, beliau sama sekali tidak melakukan perbuatan keji terhadap penduduk Mekah, baik berkisar soal keselamatan jiwa atau harta benda. Justeru, yang kedengaran waktu itu ialah suara lantang, “Jangan sakiti mereka yang luka, jangan mengejar mereka yang melarikan diri, jangan sampai membunuh mereka yang tertawan.” Perintah Rasulullah ini berlaku umum untuk semua peperangan (Al-Zuhaili, 1998)

Selain memberi perlindungan kepada pihak musuh yang luka atau sakit, Islam juga menekankan aspek perlindungan terhadap tawanan. Para tawanan perlu diperlakukan dengan baik sebagai suatu bentuk amal soleh. Allah Ta’ala berfirman tatkala menerangkan sifat orang-orang Mukmin yang taat:

Maksudnya: “Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim serta orang yang ditawan.”

(Surah al-Insan 76:8)

Perlindungan dan sifat kemanusiaan terhadap tawanan tergambar melalui tindakan Rasulullah Beliau sangat memerhatikan keadaan para tawanan dan menyerahkan mereka kepada para sahabat dengan pesanan supaya diperlakukan dengan baik (Al-Zayyid, 2008). Menurut al-Waqidi (1984), para tawanan itu tinggal bersama para sahabat di rumah kediaman mereka.

Apabila disoroti sejarah, terdapat bukti para tawanan diperlakukan dengan baik oleh kaum Muslimin yang dapat disingkap melalui kesaksian tawanan sendiri. Sebagai contoh, Abu Aziz bin Umair, salah seorang tawanan berkata:

“Ketika tiba dari Badar, saya tinggal bersama kerabat kaum Ansar. Saya dihidangkan makanan khusus mereka, bahkan saya diberi roti (makanan terbaik), mereka hanya memakan kurma. Perlakuan ini sesuai dengan pesanan Rasulullah kepada mereka untuk kami. Apabila di antara mereka ada sekeping roti, terus diberikan kepadaku. Kerana malu, aku berikan kepada salah seorang mereka, tetapi mereka memberikan kembali kepadaku, sehingga tiada seorangpun yang menyentuh roti itu” (Ibnu Hisyam, 1997).

Perhatian Rasulullah dan umat Islam tidak hanya terbatas pada persoalan makanan dan tempat tinggal, bahkan pakaian para tawanan. Dalam satu hadis, Rasulullah bersabda yang bermaksud:

“Pada masa perang Badar, Rasulullah membawa seorang tawanan, lalu dibawa kepada Abbas, tetapi dia tidak mempunyai pakaian yang sesuai untuk diberikan kepada tawanan. Kemudian beliau bertemu dengan Abdullah bin Ubay bin al-Harith, ternyata mempunyai pakaian yang sesuai lalu dipakaikan kepada tawanan”

(HR. Bukhari, no. 3008)

Pesanan Rasulullah tentang perlakuan baik terhadap tawanan merupakan kaedah umum dan bersifat komprehensif yang terkait dengan segala bentuk kebajikan seperti tempat tidur, makanan dan pakaian. Kekurangan dari salah satunya dianggap kekurangan dari aspek kebaikan yang dipesan oleh beliau.

Contoh lain nilai-nilai kemanusiaan terhadap tawanan yang dirakamkan sepanjang sejarah Islam dapat dilihat melalui sikap panglima perang yang masyhur, Salahuddin al-Ayyubi sewaktu

Perang Salib. Salahuddin melayani tawanan dengan baik dan memberi mereka pakaian berupa baju berbulu kerana cuaca yang sangat sejuk.

Diriwayatkan juga setelah Allah Ta'ala memberikan kemenangan kepada Salahuddin, beliau duduk di dalam khemah, lalu ada yang membawa kepadanya tawanan dan di antara mereka ada tentera senior, iaitu Raja Jeffrey dan saudaranya, Arnold. Lantas beliau mengundang tawannya itu yang sedang berada dalam keadaan haus untuk minum air sejuk bersamanya. Di antara tradisi Arab yang baik dan mulia ialah jika tawanan makan atau minum dari sumber kekayaan orang yang menawannya, maka keamanannya terjamin. Hal tersebut dilakukan oleh Salahuddin sesuai dengan tuntutan akhlak yang mulia (Al-Hindi, 2012).

Dari sebahagian contoh peristiwa di atas, ia dapat mencetuskan suatu perspektif bahawa Islam sangat menjunjung tinggi nilai dan aspek kemanusiaan dalam apa jua keadaan. Sekiranya di waktu perang sekalipun, nilai-nilai kemanusiaan tetap perlu dijaga, apatah lagi sewaktu damai. Sesiapa yang menghormati manusia sewaktu perang, sudah tentu lebih menghormati manusia sewaktu damai.

4.0 RELEVANSI UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA ISLAM DENGAN UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA MASA KINI

Untuk menilai relevansi Undang-Undang Antarabangsa Islam dengan konteks undang-undang antarabangsa masa kini, penulis memperincikannya seperti berikut:

4.1 Relevansi Dasar Hubungan Kemanusiaan Dalam Islam

Undang-Undang Antarabangsa Islam adalah undang-undang yang bersifat universal, mengatur tindak tanduk perbuatan manusia dalam rangka persahabatan dan kerjasama di antara satu bangsa dengan bangsa lain dalam segala aspek kehidupan untuk memenuhi hajat serta keperluan masing-masing dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Al-Quran sejak lebih 14 abad yang lalu telah mencanangkan prinsip dasar tentang hubungan antarabangsa melalui ayat ke-13 surah al-Hujurat yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).”

Ayat ini mencerminkan dasar kesatuan, persamaan dan kerjasama di antara manusia yang merupakan dasar utama hubungan kemanusiaan dalam Islam. Apabila dicermati, dasar-dasar hubungan kemanusiaan ini selari dengan apa yang termaktub di dalam Bab 1, Artikel 1 Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 1945 yang menetapkan empat visi PBB, iaitu:

1. Menjaga perdamaian dan keamanan antarabangsa;
2. Menanamkan rasa kasih sayang antara bangsa atas dasar penghormatan terhadap prinsip bahawa semua bangsa memiliki hak yang sama, seperti hak menentukan arah hidup sendiri;
3. Mewujudkan kerjasama antarabangsa dalam memberikan penyelesaian terhadap permasalahan ekonomi, sosial, budaya dan kemanusiaan. Demikian pula dalam usaha memajukan dan mendorong penghargaan hak asasi manusia dan kemerdekaan mendasar untuk semua manusia tanpa adanya diskriminasi bangsa, jantina, bahasa atau agama;
4. Menjadi pusat penyelarasan segala tindakan bangsa-bangsa dalam mencapai tujuan bersama tersebut.

Berdasarkan visi di dalam Piagam PBB tersebut, dasar kesatuan, persamaan dan kerjasama antarabangsa menempatkan diri pada posisi paling utama baik ditinjau dari sudut politik, ekonomi mahupun sosial. Semangat kemanusiaan yang termaktub di dalam visi PBB hakikatnya sejalan dengan dasar hubungan kemanusiaan yang dibawa oleh Islam seperti yang telah diterapkan sepanjang sejarah terutamanya melalui keteladanan Rasulullah dalam berinteraksi dengan masyarakat bukan Islam.

4.2 Relevansi Prinsip Kemanusiaan Sewaktu Damai

Bertitik tolak pada perbahasan sebelum ini, hukum asal (kaedah umum) hubungan di antara umat Islam dengan bukan Islam dalam wacana Undang-Undang Antarabangsa Islam ialah perdamaian, bukannya peperangan. Ia sekaligus mengakui dan menjamin hak asasi manusia iaitu hak untuk hidup dan menghargai kehidupan umat manusia.

Islam sangat menghargai kehidupan setiap umat manusia, sebagaimana terpapar di dalam al-Quran, surah al-Maaidah, ayat 32 yang bermaksud:

“Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.”

Prinsip kemanusiaan sewaktu damai yang telah dijelaskan sebelum ini iaitu prinsip kasih sayang, toleransi dan kebebasan beragama merupakan beberapa contoh hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam dalam kehidupan bernegara dan berbangsa. Diskriminasi yang didasari perbezaan warna kulit, tempat lahir, ras, bangsa, bahasa atau agama merupakan tindakan yang bertentangan dengan hak asasi manusia.

Apabila dikaji, prinsip-prinsip di atas terangkum di dalam set undang-undang antarabangsa disebut sebagai Undang-Undang Hak Asasi Manusia (*Human Rights Law*) iaitu suatu set undang-undang yang lahir melalui semangat yang termaktub di dalam Piagam PBB, Artikel 1 (3) yang mewajibkan kerjasama bagi seluruh anggota PBB untuk mempromosikan dan memperjuangkan hak asasi manusia dan kebebasan bagi seluruh umat manusia, tanpa membezakan bangsa, jantina, bahasa mahupun agama.

Undang-undang ini mengandungi beberapa instrumen penting yang mengatur segala urusan hak asasi manusia sewaktu damai. Instrumen utama yang tertuang di dalam Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa (*The International Bill of Human Rights*) ialah Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat (*Universal Declaration of Human Rights*) yang menjadi titik tolak kepada perkembangan hak asasi manusia antarabangsa. Deklarasi ini telah diisytiharkan sewaktu Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 10 Disember 1948 di Paris dan mempunyai 30 Artikel penting berhubung pengaturan hak asasi manusia.

Tuntasnya, undang-undang ini bertujuan mengatur hak asasi manusia sebagai makhluk Tuhan yang wajib dihormati dan dilindungi oleh semua pihak. Meskipun setiap manusia lahir dengan warna kulit, jantina, bahasa, budaya dan kewarganegaraan yang berbeza, mereka tetap mempunyai hak asasi yang perlu dijamin dan dipelihara.

4.3 Relevansi Prinsip Kemanusiaan Sewaktu Perang

Dalam keadaan perang pula, Undang-Undang Antarabangsa Islam yang bersumber dari al-Quran, hadis serta tindakan Rasulullah dan para Sahabat di lapangan sentiasa mengungguli prinsip kemanusiaan dengan menawarkan dan mempromosikan nilai-nilai kemanusiaan yang mengangkat dan menghormati martabat manusia itu sendiri.

Dalam keadaan perang, Islam bukan sahaja memberi perlindungan kepada orang awam, tawanan dan tentera musuh yang terluka bahkan menghormati jasad pihak musuh yang telah mati. Hal ini selari dengan apa yang terkandung di dalam Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA) melalui Konvensyen Geneva 1949 yang mempunyai empat perjanjian utama:

1. Perlindungan terhadap tentera yang luka dan sakit di darat;
2. Perlindungan terhadap tentera yang luka, sakit dan karam di lautan;
3. Perlindungan terhadap tawanan perang;
4. Perlindungan terhadap orang awam sewaktu perang.

Selain itu, prinsip pembezaan sewaktu perang yang telah termaktub di dalam ayat 190, surah al-Baqarah juga sepadan dengan prinsip yang terkandung di dalam Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA) dikenali sebagai “*distinction principle*”. Prinsip ini membahagikan dua kategori manusia iaitu golongan yang ikut serta di dalam pertempuran (*combatant*) dan orang awam iaitu mereka yang tidak ikut serta di dalam pertempuran (*non-combatant*) (Kushartoyo, 2005). Prinsip ini menjelaskan bahawa segala pertempuran di medan perang hanya diarahkan kepada pihak yang terlibat di dalam pertempuran.

5.0 HASIL PENELITIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan perbincangan terhadap dasar-dasar hubungan kemanusiaan serta prinsip-prinsip kemanusiaan sewaktu damai dan perang dalam wacana Undang-Undang Antarabangsa Islam, sememangnya ia sangat relevan untuk diimplementasikan dalam kehidupan umat manusia serta mampu memberikan sumbangan yang cukup besar dalam konteks hubungan antarabangsa masa kini.

Hasil penelitian juga menunjukkan bahawa prinsip kemanusiaan dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam yang bersifat sejagat sangat relevan dan selari dengan konteks undang-undang antarabangsa masa kini sepertimana terangkum di dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Relevansi Undang-Undang Antarabangsa Islam dengan Undang-Undang Antarabangsa Masa Kini

Relevansi	Undang-Undang Antarabangsa Islam	Undang-Undang Antarabangsa Masa Kini
Dasar hubungan kemanusiaan	Al-Quran (Surah al-Hujurat 49: 13)	Piagam PBB (Bab 1, Artikel 1)
Prinsip kemanusiaan sewaktu damai	<ul style="list-style-type: none"> - Hak hidup (Surah al-Maidah 5: 32) - Kasih sayang (Surah al-Mumtahanah 60: 8-9) - Toleransi dan kebebasan beragama (Tindakan Rasulullah ﷺ dan para Sahabat) 	Undang-Undang Hak Asasi Manusia: <ul style="list-style-type: none"> - Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (<i>Universal Declaration of Human Rights</i>)

Prinsip kemanusiaan sewaktu perang	<ul style="list-style-type: none"> - Perlindungan terhadap orang awam, tawanan dan tentera musuh yang terluka serta penghormatan terhadap jasad pihak musuh yang telah mati (Tindakan Rasulullah ﷺ dan para Sahabat) - Prinsip pembezaan (Surah al-Baqarah 2: 190) 	Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA): <ul style="list-style-type: none"> - Konvensyen Geneva 1949
------------------------------------	--	---

Berdasarkan jadual di atas, secara umumnya dapat diperhatikan terdapat kesesuaian prinsip kemanusiaan dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam dengan undang-undang antarabangsa masa kini. Di sini, penulis tidak berhasrat untuk membuat perbandingan, akan tetapi penulis ingin menelusuri bagaimana terdapatnya persamaan dan keselarian dua instrumen ini.

Hakikatnya, para sarjana undang-undang antarabangsa mengakui bahawa sumbangan Islam dalam konteks undang-undang antarabangsa adalah sangat besar khususnya pengaturan undang-undang berkaitan peperangan.

Sebagai contoh, Michel de Tubb yang merupakan salah seorang sarjana undang-undang antarabangsa di Den Haag, Belanda pernah menyatakan bahawa para tokoh yang dianggap peletak dasar undang-undang antarabangsa iaitu Vittoria dan Suarez banyak mengambil sumber-sumber dasar undang-undang antarabangsa dalam Islam. Kemudiannya, Hugo Grotius (Hugo de Groot) yang dianggap sebagai bapa undang-undang antarabangsa moden banyak mengutip pendapat Vittoria dan Suarez yang telah dipengaruhi oleh syariat Islam bahkan beliau sendiri mengakui betapa besarnya pengaruh Islam dalam bidang undang-undang antarabangsa melalui penulisan karyanya, “*De Jure Belli ac Pacis*” (Muhammad Hasyim, 2004).

Michel de Tubb juga banyak menggariskan prinsip-prinsip syariat Islam terutamanya berkaitan undang-undang perang. Misalnya, beliau menukilkan amanat Khalifah Abu Bakar as-Siddiq kepada komandan tentera pertama yang dihantar ke Syam setelah Rasulullah wafat (‘Ali Mansur, 1973).

Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Jean Pictet di dalam tulisannya, “*The Geneva Conventions and the Laws of War*”. Untuk menjelaskan bagaimana syariat Islam sangat menekankan prinsip kemanusiaan dalam undang-undang perangnya, beliau menyatakan bahawa, “Dalam perang Salib, tentera Islam lebih berperikemanusiaan berbanding lawan mereka.” (Mochtar, 1968).

Syariat Islam sejak abad ke-7 Masihi telah meletakkan asas-asas kemanusiaan dalam pengaturan peperangan, sebagai contoh mewujudkan prinsip pembezaan di antara orang-orang yang ikut serta berperang dengan orang awam yang tidak ikut serta berperang yang mana dalam konteks undang-undang antarabangsa kini disebut dengan terma “*combatant*” dan “*non-combatant*”.

Apabila dilihat dari sudut usia, Undang-Undang Antarabangsa Islam jauh lebih tua berbanding Konvensyen Geneva 1949 mahupun undang-undang antarabangsa secara umumnya yang hanya lahir lebih daripada 13 abad selepas Islam meletakkan secara sempurna etika dan nilai-nilai kemanusiaan baik sewaktu damai mahupun perang. Oleh kerana itu, Undang-Undang Antarabangsa Islam memainkan peranan sangat penting sekaligus menjadi inspirasi terbentuknya undang-undang moden yang didasari sifat kemanusiaan.

Selain itu, Undang-Undang Antarabangsa Islam yang diteladani oleh Nabi Muhammad memberikan pengaruh yang cukup besar kepada para tokoh undang-undang antarabangsa Eropah seperti Pierro Bello dan Alberico Gentili dalam merumuskan permasalahan berkaitan hubungan antarabangsa. Mereka telah mempelajari dasar-dasar hubungan antarabangsa di Sepanyol yang

menjadi pusat peradaban Islam bermula abad ke-8 sehingga abad ke-15 Masihi, lalu mereka kembangkannya di Eropah.

Justeru, tidak hairan mengapa terdapat kesesuaian di antara prinsip kemanusiaan dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam dengan undang-undang antarabangsa masa kini. Dengan adanya titik persamaan dan titik pertemuan di antara dua instrumen ini, maka wajar jika undang-undang antarabangsa masa kini memiliki prinsip-prinsip yang sejalan dan senafas dengan prinsip-prinsip kemanusiaan dalam Islam.

Hal ini membuktikan bahawa prinsip-prinsip kemanusiaan yang dibawa melalui Undang-Undang Antarabangsa Islam sangat relevan diterapkan dalam undang-undang antarabangsa masa kini untuk mengatur hubungan antarabangsa dan kehidupan umat manusia baik sewaktu damai mahupun sewaktu perang.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan berkenaan prinsip kemanusiaan dalam Undang-Undang Antarabangsa Islam, jelas bahawa syariat Islam sentiasa mendahulukan aspek kemanusiaan melalui etika dan nilai-nilai murni yang diterapkan baik ketika damai mahupun perang. Paradigma yang membangun prinsip kemanusiaan ini berpegang pada pandangan Islam tentang kemuliaan martabat manusia yang jasmani dan rohaninya harus dipelihara dan dilindungi dalam apa jua keadaan.

Ajaran Islam pada hakikatnya menjadi rahmat bagi alam dan seisinya, bukan untuk bangsa atau kelompok tertentu. Oleh sebab itu, ia sentiasa tampil atau ditampilkan untuk mengambil peranan dalam memecahkan pelbagai masalah besar dunia, termasuk menjadi peletak dasar kepada pembentukan undang-undang antarabangsa masa kini.

Sebagai ilustrasi, pada zaman Rasulullah, apa jua bentuk peperangan sentiasa diselesaikan dan dilatari melalui ranah agama, iaitu antara Muslim dan bukan Muslim tanpa adanya campur tangan dunia antarabangsa.

Namun begitu, menerapkan gagasan dan pengaruh Islam dalam perkembangan undang-undang antarabangsa semasa bukan suatu tugas yang mudah meskipun terdapat titik persamaan dan kesesuaian dalam beberapa perkara bahkan telah diakui sendiri oleh beberapa tokoh pemikir Barat. Ia tidak secara automatik mendapat tempat dalam perkembangan undang-undang antarabangsa semasa kerana adanya persaingan dan kepentingan beragam dari pelbagai pihak.

Oleh kerana itu, penulis berpandangan, dunia Islam melalui negara dan para pemimpinnya perlu bermusyawarah dalam membentuk suatu kodifikasi bertulis berkaitan Undang-Undang Antarabangsa Islam yang tersusun, sesuai dengan konteks semasa dan boleh diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa supaya ia dapat dijadikan panduan melalui penerapannya dalam kehidupan bernegara dan berbangsa.

Sebagai contoh, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada 5 Ogos 1990 di Kaaherah telah mengisytiharkan suatu dokumen atau resolusi yang disebut Deklarasi Kaaherah Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam yang mempunyai 25 Artikel penting berhubung pengaturan hak asasi manusia. Hal ini sedikit sebanyak dapat mengimbangi kelompangan yang wujud dalam undang-undang antarabangsa sedia ada yang dilihat hanya sebatas dokumentasi tetapi terdapat kelemahan dari sudut pelaksanaannya.

Selain itu, penulis juga berpandangan perlu dirancarkan lagi pengilmuan Islam dalam wacana undang-undang antarabangsa untuk memudahkan penerimaan masyarakat antarabangsa bahawa

nilai-nilai yang dibawa oleh Islam bersifat universal. Ia dapat dilakukan melalui penyebaran karya-karya para sarjana Muslim agar dapat menelurkan bibit-bibit idea dalam penerbitan yang luas secara tidak langsung dapat membuka mata dan mencambah minda masyarakat antarabangsa bahawa Islam merupakan agama yang inklusif serta menjunjung tinggi prinsip kemanusiaan.

Rujukan

- ‘Ali Mansur, ‘Ali. (1973). *Syari’at Islam dan Hukum Internasional Umum*. Terj. Muhammad Zein Hassan. Jakarta: Bulan Bintang.
- ‘Imarah, Muhammad. (2010). *Haqaiq wa Syububat Hawla al-Samahab al-Islamiyah wa Huquq al-Insan*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abdullah Zakiy al-Kaf. (2002). *Islam Cabaya Dunia Menuju Keselamatan Akhirat*. Bandung: Pustaka Setia.
- Abu Daud, Sulaiman ibn Ash’ath al-Azadi al-Sijistani. (2008). *English Translation of Sunan Abu Dawud*. Terj. Al-Khattab, Nasiruddin. The Book of Jihad, Chapter Regarding Calling the Idolaters to Islam, 3. Riyadh: Dar al-Salam.
- Abu Ghuddah, Hasan. (1999). *Qadhaya Fiqhiyah fi al-‘Alaqat al-Dawliyah*. Riyadh: Maktabah al-Ubaikan.
- Abu Sulayman, ‘Abdul Hamid A. (1988). *Perhubungan Antarabangsa Menurut Teori Islam: Arab Baru Metodologi dan Pemikiran Islam*. Terj. Abdullah bin Abdul Majid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Sulayman, ‘Abdul Hamid A. (1993). *Towards an Islamic Theory of International Relations: New Direction for Methodology and Thought*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Abu Zahrah, Muhammad. (1995). *Al-‘Alaqat al-Dawliyah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Ahmad, Fuad Abd Al-Mun’im. (1972). *Mabda’ al-Musawab fi al-Islam*. Qatar: Muassasah al-Thaqafah al-Jami’iyah.
- Ahmad, Muhammad ibn Hanbal al-Shaybani. (1996). *Masnad al-Imam Ahmad*. Ed. Al-Turki, Abdullah, 4. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Al-‘Aqqad, ‘Abbas Mahmud. (2000). *‘Abqariyah ‘Umar*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyah.
- Al-Athqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. (t.t). *Fathul Bari Syarh Sahih Bukhari*. Ed. Baz, ‘Abdul ‘Aziz bin Abdullah. Kitab al-Jihad. Bab Qiswati li al-Usara, 6. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Athqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. (1992). *Al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*. Ed. Al-Bijawi, ‘Ali Muhammad. Jilid. 5. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Azhar al-Syarif Majma’ al-Buhuth al-Islamiyah. (2019). *Huquq Ghayr al-Muslimin fi al-Mandzur al-Islami*. Kaherah: Al-Azhar al-Syarif.
- Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Hussain. (1991). *Ma’rifatu al-Sunan wa al-Athar*. Ed. Qal’aji, ‘Abdul Mu’ti Amin. Kitab al-Siyar. Bab Qatlahum bi Dhorbi al-A’naq duna Muthlati, 13. Beirut: Dar Qutaibah li al-Thaba’ah wa al-Nasyr.
- Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Hussain. (2003). *Sunan al-Kubra*. Ed. ‘Atha, Muhammad ‘Abdul Qadir. Kitab Qismu al-Faiu wa al-Ghanimah. Bab I’tha al-Faiu ‘ala al-Diwan, 6. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Hussain. (2003). *Sunan al-Kubra*. Ed. ‘Atha, Muhammad ‘Abdul Qadir. Kitab al-Siyar. Bab Taraka Qatlu man la Qital fih min al-Ruhban wa al-Kabir, 9. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1997). *Al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Jilid. 2. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Hakim, Muhammad bin Abdullah al-Naisaburi. (t.t). *al-Mustadrak ‘ala al-Sahibaini*, 2. Beirut: Dar al-Makrifah

- Al-Hindi, Ihsan. (1989). *al-Islam wa al-Qanun al-Dauli*. Damsyik: Dar al-Thalas li al-Dirasat wa al-Tarjamah wa al-Nasyr.
- Al-Hindi, Ihsan. (2012). “Pengaruh Kebudayaan, Akhlak dan Agama dalam Hukum Humaniter Internasional”, dalam *Islam dan Hukum Humaniter Internasional*. Ed. Zemmali, Ameer. Jakarta: Mizan.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Habib. (1989). *al-Abkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Ed. Mubarak, Ahmad. Kuwait: Maktabah Dar ibn Qutaibah.
- Al-Sa’di, Abdurrahman bin Nasir. (2003). *Taisir Karim al-Rahman*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. (1957). *Syarb Kitab al-Siyar al-Kabir li al-Imam Mubammad bin al-Hasan al-Shaybani*. Ed. Al-Munjid, Salah al-Din, 1. Kaherah: Ma’had al-Makhtutat.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. (1997). *Syarb Kitab al-Siyar al-Kabir li al-Imam Mubammad bin al-Hasan al-Shaybani*. Ed. Muhammad, Muhammad Hasan. Jilid. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. (2002). *Kitab al-Mabsut*. Jilid. 10. Beirut: Dar Ehia al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Tafsir al-Tabari*, 3. Kaherah: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-‘Arabiah al-Islamiah.
- Al-Waqidi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar. (1984). *al-Maghaẓi*. Ed. Jonnes, Marsden. Jilid. 1. Beirut: ‘Alam al-Kitab.
- Al-Zayyid, Zayyid bin Abdul Karim. (2008). *Pengantar Hukum Humaniter Internasional dalam Islam*. Terj. Masri Elmahsyar Bidin & Abdullah Syamsul Arifin. Jakarta: International Committee of the Red Cross (ICRC) Delegasi Regional Indonesia.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2012). “Perlindungan Terhadap Korban Perang Menurut Syariat Islam dan Hukum Humaniter Internasional”, dalam *Islam dan Hukum Humaniter Internasional*. Ed. Zemmali, Ameer. Jakarta: Mizan.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1998). *Athbar al-Harb fi al-Fiqh al-Islami: Dirasat Muqaranah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Boisard, M.A. (1980). On the Probable Influence of Islam on Western Public and International Law. *International Journal of Middle East Studies*, 2, 429-450.
- El Hareir, Idris & Mbaye, Ravane. (2011). *The Spread of Islam Throughout the World*. Paris: UNESCO.
- Haekal, Muhammad Husain. (1984). *Sejarah Hidup Muhammad*. Terj. Ali Audah. Jakarta: P.T Tintamas.
- Hanbal, Ahmad bin Muhammad. (1990). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, 5. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibnu Hibban, Muhammad. (1994). *Sabih Ibnu Habban*. Ed. Al-Arnauth, Syuaib, 14. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Ibnu Hisyam, Abu Muhammad ‘Abd Malik. (1997). *al-Sirah al-Nabawiyah*. Ed. Abdul Maujud, Adil Ahmad. Jilid. 1. Riyadh: Maktabah al-Ubaikan.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida’ Imaduddin Isma’il bin Umar. (2015). *Tafsir al-Qur’an al-‘Azĥim*. Ed. Arif Hidayat et al. Solo: Insan Kamil.
- Ibnu Rushd, Abu al-Walid bin Rushd al-Qurtubi. (1988). *al-Bayan wa al-Tabsil wa al-Sharh wa al-Tanjih wa al-Ta’lil fi Masail al-Mustakbrajab*. Ed. Al-Hababi, Ahmad, 2. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Ija Suntana. (2015). *Politik Hubungan Internasional Islam (Siyasah Dauliyah)*. Bandung: Pustaka Setia.
- Kushartoyo BS. (2005). *Pengantar Hukum Humaniter*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Mahmud, Abdul Ghani Abdul Hamid. (2008). *Perlindungan Korban Konflik Bersenjata dalam Perspektif Hukum Humaniter Internasional dan Hukum Islam*. Ed. Usman Syihab. Jakarta: Komite Internasional Palang Merah (ICRC) Delegasi Regional Indonesia.

- Mochtar Kusuumaatmadja. (1986). *Konvensi-Konvensi Palang Merah 1949 Mengenai Perlindungan Korban Perang*. Bandung: Binacipta.
- Muhammad Hasbi al-Shiddieqy. (1971). *Hukum Antara Golongan Dalam Fiqh Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Muhammad Hasyim, H. (2004). Konsep Hukum Humaniter Internasional dalam Perspektif Hukum Islam. Kertas Kerja Basic Course International Humanitarian Law and Human Rights. 1-5 Mac 2004. Hotel Barito, Banjarmasin, Kalimantan, Indonesia.
- Munir, Muhammad. (2012). Islamic International Law (Siyar): An Introduction. *Hamdard Islamicus*, 4, 37-60.
- Muslim, Ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. (2007). *Sabih Muslim*. Terj. Al-Khattab, Nasiruddin. The Book of Jihad and Expeditions. Chapter Ruler Appointing Leaders of Expeditions and Advising Them of the Etiquette of War, etc, 5. Riyadh: Dar al-Salam.
- Navaid, M. I. (2010). *Political System in Islam*, 4. New Delhi: Discovery Publishing House PVT. LTD.
- Panitia Professor-Professor Fakultas Syari'ah dan Undang-Undang Universiti Al-Azhar. (2004). *Hubungan Antarabangsa dalam Fiqh Islam*. Terj. Arifin bin Ladari. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Zemmali, Ameer. (2012). "Islam dan Hukum Humaniter Internasional: Seputar Beberapa Prinsip Operasi Perang", dalam *Islam dan Hukum Humaniter Internasional*. Ed. Zemmali, Ameer. Jakarta: Mizan.